

R 8890 BAH  
MAHATHIR - PAIRIN

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT TIDAK AKAN MENINDAS ATAU MENGANIAYA RAKYAT SABAH WALAUPUN NEGERI ITU DIPERINTAH OLEH PARTI BERSATU SABAH (PBS) YANG KINI MENJADI PARTI PEMBANGKANG.

BELIAU BERKATA, TINDAKAN PBS MENYOKONG SEMANGAT 46 HINGGA MENINGGALKAN BN DIBUAT KERANA PARTI ITU PERCAYA IA MEMIHAK KEPADA KERAJAAN MEMANDANGKAN KEYAKINANNYA YANG PARTI PEMBANGKANG AKAN MENJADI KERAJAAN.

RAKYAT NEGERI ITU TIDAK BOLEH DIINIAYA KERANA MEREKA TELAH DIHASUT DENGAN PROPAGANDA SEHINGGA BERBIKAP ANTI KERAJAAN PUSAT SEDANGKAN TIADA SEBAB RAKYAT SABAH HARUS BERBIKAP DEMIKIAN SETELAH KERAJAAN PUSAT MEMBERI BERBAGAI-BAGAI BANTUAN KEPADA MEREKA.

+TETAPI KERANA KERAJAAN PAIRIN (KETUA MENTERI, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN) BEGITU TAMAK SEKALI SEHINGGA MENGHABISKAN SEMUA PUNCA KEKAYAAN, IAITU BALAK, DAN KINI MEREKA HENDAKKAN PUNCA KEKAYAAN LAIN DAN INILAH YANG MENDORONG MEREKA MEMINTA ROYALTI (MINYAK) YANG LEBIH+, KATANYA.

BELIAU BERKATA, TINDAKAN DATUK PAIRIN ITU BUKAN KERANA SABAH MEMERLUKAN PERTAMBAHAN ROYALTI TETAPI KERANA MEREKA INGIN MEMPUNYAI LEBIH BANYAK WANG UNTUK PROPAGANDA SUPAYA RAKYAT TERUS MENYOKONG MEREKA. -- LAGI.

0523MST 22 10 90

D340

R 8891 BAH  
MAHATHIR - PAIRIN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMBUAT KENYATAAN INI SEMASA DITEMUBUAL OLEH TELEVISYEN MALAYSIA SELEPAS BN MEMPEROLEHI MAJORITI DUA PER TIGA DALAM DEWAN RAKYAT.

KETIKA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA BAHAWA PBS +MENGKALI KUBUR SENDIRI+ KERANA MENINGGALKAN BN, BELIAU BERKATA KENYATAAN BAHAWA SEMANGAT 46 AKAN BUNUH PAS, DAP DAN SIAPA JUGA RAKANNYA, TERBUKTI BENAR KERANA KINI +IA TELAH MEMBUNUH PBS+.

BELIAU MENJELASKAN: +KALAU PBS ADA DENGAN KITA (BN), JUMLAH KERUSI YANG DIMENANGI OLEH BN AKAN MENINGKAT, TETAPI KITA RELA HILANG 14 KERUSI (DI SABAH) DAN 13 KERUSI DI KELANTAN KERANA KITA MASIH MENDAPAT UNDI YANG BEGITU BANYAK.+

MENGENAI KEKALAHAN BN DI KELANTAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT, RAKYAT NEGERI ITU MAHU ORANG KELANTAN SENDIRI MEMIMPIN KERAJAAN PUSAT DAN MEREKA PERCAYA DENGAN MEMBERI KEMENANGAN BESAR KEPADA PEMBANGKANG DI SANA, MEREKA RASA DAPAT MENAMBAH KEKUATAN PARTI PEMBANGKANG YANG DIASASKAN DI KELANTAN.

BELIAU BERKATA, KEMENANGAN BESAR PAS DI KELANTAN MEMBUKTIKAN BAHAWA SEBAGAI PARTI SERPIHAN, SEMANGAT 46 TIDAK MEMPUNYAI BANYAK PENGIKUT, KECUALI DI KELANTAN, DAN PENGIKUT DI NEGERI ITU DIGERAKKAN BAGI MENYOKONG PAS.

+DI TEMPAT-TEMPAT LAIN, IA TIADA PENGIKUT DAN PAS JUGA NAMPAKNYA TIDAK BEGITU RELA UNTUK MEMBERI SOKONGAN KEPADA SEMANGAT 46,+ KATANYA. -- BERNAMA.

0525MST 22 10 90